

Berita Manmin

NO. 16 | JANUARI 2023

“Kasih Tuhan Yesus, rahmat yang besar, dan kesyukuran berlimpah.”

Mengapakah Tuhan memberi perintah kepada orang Israel yang telah meninggalkan Mesir untuk mengingati masa penderitaan yang dilalui oleh mereka selama 40 tahun di padang gurun dengan mempersembahkan perayaan kesyukuran dengan hasil tuaian yang berlimpah? Hal ini kerana kasih Tuhanlah yang memimpin mereka untuk mengingati sejarah masa lampau supaya mereka tidak menyimpang ke kiri atau ke kanan lagi dan menuju jalan yang benar.



Pada Hari Kesyukuran, kami berharap agar anda akan menyembah Tuhan Trinitas yang memberikan anda kehidupan yang sejati melalui Yesus Kristus dan memimpin kita dalam kelimpahan rahmat dan berkat dengan keselamatan dan jawapan, serta firman kehidupan dan karya kuasa, dengan sukacita dan kesyukuran dengan segenap tubuh, hati, fikiran dan kekuatan anda.



Ibadat Ahad Kesyukuran & Perjamuan Suci dalam Talian

Sempena sambutan Hari Kesyukuran, gereja kita mengadakan Ibadat Kesyukuran dan Perjamuan Kudus pada hari Ahad, 20 November 2022.

Dalam Ibadat Pagi Ahad, khutbah video Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee yang bertajuk, “Tuhan Memenuhi” disiarkan (Yohanes 14:12-14), dan dalam Ibadat Petang, Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, menyampaikan khutbah yang bertajuk, “Kita Memiliki Hidup Kekal dengan Makan

dan Minum Tubuh dan Darah-Nya’ (Yohanes 6:53-55) dan kemudian merasmikan Perjamuan Kudus.

Perjamuan Kudus diadakan secara dalam talian melalui GCN (www.gcntv.org). Anggota di Gereja Pusat Manmin dan gereja cawangan dalam dan luar negara mengikutinya dengan hati yang tulus selepas menyediakan roti dan air anggur yang melambangkan tubuh dan darah Tuhan Yesus. Mereka merenungkan kasih dan rahmat Tuhan Yesus yang besar semasa perjamuan ini.

Sementara itu, Upacara Katekesis diadakan pada 13 November (Ahad) dan Upacara Pembaptisan diadakan pada 20 November (Ahad).

Perhimpunan Agung untuk Pemimpin Tahun 2023

Bermula minggu 27 November, Persatuan Diaken Kanan Lelaki, Persatuan Diaken Kanan Wanita, pemimpin daerah lelaki/wanita, pemimpin subdaerah, pemimpin sel, Misi Cahaya dan Garam, serta Persatuan Guru Sekolah Minggu Pelajar mengadakan perhimpunan agung untuk memilih pemimpin kumpulan masing-masing yang dipilih untuk tahun 2023.

Pada 4 Disember (Ahad), Misi Lelaki dan Wanita, Misi Belia, Misi Kanaan, Sekolah Minggu Pelajar Menengah, Pahlawan Doa, Sukarelawan Pelayanan Manmin, dan Persatuan Guru Sekolah Minggu Kanak-kanak mengadakan perhimpunan agung manakala

perhimpunan agung untuk kumpulan misi dan kumpulan sel diadakan pada 11 Disember.

Piawaiian pekerja yang dipilih melalui perhimpunan agung adalah seperti berikut: Pertama, orang yang berdoa; kedua, orang yang menyucikan hari Tuhan Yesus dengan sepenuhnya; ketiga, orang yang memberi persepuluhan penuh; keempat, orang yang menyingkirkan dosa hingga ke tahap menumpahkan darah; kelima, orang yang setia di dalam rumah Tuhan; keenam, orang yang mempunyai kasih dan kebaikan; ketujuh, orang yang mempunyai kepimpinan; dan kelapan, orang yang rendah hati.

Kemuliaan yang Tidak Berkesudahan akan Tersingkap atas Nama Manmin

Setiap hari dan setiap masa telah terkumpul melalui kasih Bapa. Betapa besarnya berkat yang diberi oleh Bapa dan berkat-berkat telah ditimbunkan untuk menyempurnakan pelayanan Bapa. Aku melalui hari ini dengan menantikan berkat luar biasa yang akan diberikan kepada gereja ini dan bukan sekadar apa yang kelihatan pada saat ini.

Kasih Bapa telah mengubah jiwa-jiwa yang terkasih ini, dan juga akan mencapai orang yang akan diubah. Kuasa Bapa tiada hadnya.

Bapa yang terkasih, Aku mempunyai jangkauan besar kerana Engkau akan menunjukkan kebesaran kuasa kasih-Mu kepada Manmin dan semua jiwa, dan aku menantikan kemuliaan yang tidak berkesudahan atas nama Manmin...



Menantikan berkat dan kemuliaan tiada berkesudahan yang akan tersingkap Daripada buku Dr. Jaerock Lee, "Pengakuan"



Sambutan Ulang Tahun ke-10 Gereja Manmin Delhi di India dan Ibadat Pelantikan Diaken Kanan

Pada 8 November (Selasa) pukul 1:30 petang (10:00 pagi di India), Gereja Manmin Delhi mengadakan ibadat sambutan ulang tahun ke-10 dan ibadat pelantikan diaken kanan secara dalam talian bersama Pastor Mikyung Lee (Presiden Persatuan Pastor Manmin).

Ibadat ini disiarkan melalui Zoom dan YouTube (GCNTV HINDI) dengan anggota Manmin dari India, England, Australia dan Pakistan mengambil bahagian. Ibadat ini diterjemahkan secara serentak ke dalam bahasa Inggeris, Hindi, Tamil, Bhojpuri dan Urdu.

Pada bahagian pertama ibadat yang dipengerusikan oleh Pastor John Kim, pujian khas dipersembahkan oleh Diaken Nancy (Gereja Manmin Delhi). Pastor Mikyung Lee menyampaikan khutbah yang bertajuk, "Akan dilakukan untuk kamu sebagaimana kamu mengaku dengan mulutmu" (Roma 10:10), dan menggesa mereka untuk memenuhi kehendak dan ketentuan Tuhan dengan sepenuhnya melalui pengakuan dan perbuatan iman



yang sempurna demi nama Tuhan Yesus.

Selepas itu, Pastor Lee berdoa untuk orang sakit dengan sapu tangan kuasa yang telah didoakan oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) dan ramai anggota sembuh daripada penyakit dan mendapat jawapan

bagi keinginan hati mereka untuk memberi kemuliaan kepada Tuhan Yang Maha Hidup.

Pada bahagian kedua, Upacara Pelantikan Diaken Kanan dirasmikan oleh Pastor Mikyung Lee, diikuti oleh persembahan tahniah. Video pelayanan Gereja Manmin Delhi dan persembahan sambutan oleh pasukan tariannya ditayangkan dan hal ini menambah kemeriahan ulang tahun tersebut.

Diaken Lata Augustine (59 tahun) yang dilantik sebagai diaken kanan merupakan seorang yang setia dalam pelayanannya sebagai presiden Misi Wanita Gereja Manmin Delhi dan guru Sekolah Minggu Kanak-kanak.



Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Penumpahan Darah dan Air Yesus

“Tetapi apabila mereka sampai kepada Yesus, mereka melihat bahawa Dia sudah meninggal. Oleh itu mereka tidak mematahkan kaki-Nya. Tetapi salah seorang askar menusuk rusuk Yesus dengan tombak, dan pada ketika itu juga keluarlah darah dan air” (Yohanes 19:33-34).

Pengetahuan tentang ketentuan Tuhan dalam penderitaan Yesus dapat membantu setiap daripada kita untuk memahami kasih-Nya yang besar dan menjadikan kita lebih mengasihi-Nya. Sekarang marilah kita menyelidiki kepentingan rohani dalam peristiwa kaki Yesus tidak dipatahkan, dan penumpahan darah dan air-Nya.

1. Sebab Askar Roma tidak Mematahkan Kaki Yesus

Selepas menderita selama berjam-jam di atas kayu salib, cara hukuman yang paling kejam, Yesus akhirnya menghembuskan nafas-Nya yang terakhir. Kematian-Nya di atas kayu salib berlaku pada hari Jumaat dan hari berikutnya ialah hari Sabat yang disucikan oleh orang Yahudi. Atas sebab ini, tubuh Yesus tidak boleh terus tergantung di atas kayu salib. Oleh itu, orang Yahudi meminta kebenaran Pontius Pilatus untuk menurunkan mayat-mayat daripada kayu salib (Yohanes 19:31).

Askar Roma mematahkan kaki kedua-dua orang yang disalibkan bersama-sama Yesus supaya mereka dapat menurunkan mayat-mayat itu. Pematahan kaki penjenayah yang tergantung di atas kayu salib dapat mempercepat kematiannya kerana dia tidak akan dapat menampung berat tubuhnya dengan kakinya. Namun begitu, apabila askar Roma menyedari dan mendapat kepastian bahawa Yesus telah meninggal, mereka tidak mematahkan kaki-Nya.

Dalam Mazmur 34:20-21 kita dapati bahawa, “Orang baik mengalami banyak kesusahan, tetapi TUHAN menyelamatkan mereka daripada semuanya; TUHAN memelihara mereka dengan sempurna, tulang mereka tidak satu pun patah.” Walaupun Yesus memikul dosa semua manusia dan mati di atas kayu salib, Dia bukan orang yang berdosa. Dia tidak bercela, tidak bernoda, dan salih. Tuhan memastikan bahawa kaki Yesus tidak dipatahkan.

Pada masa Keluaran, Tuhan memberitahu orang Israel dalam Bilangan 9:12 dan Keluaran 12:46, “Mereka harus makan domba tetapi tidak boleh mematahkan tulangnya.” Melalui Alkitab, “domba”

melambangkan Yesus (Yohanes 1:29). Oleh itu, Tuhan memberi perintah untuk tidak mematahkan tulang domba, yang melambangkan Yesus. Bertepatan dengan nubuat ini, tulang Yesus tidak dipatahkan.

2. Ketentuan dalam Penumpahan Darah dan Air Yesus

Seperti yang kita baca dalam Yohanes 19:34, “Tetapi salah seorang askar menusuk rusuk Yesus dengan tombak, dan pada ketika itu juga keluarlah darah dan air,” seorang askar Roma menusuk rusuk Yesus yang telah meninggal.

Yesus digantung di atas kayu salib dengan memakai mahkota duri. Tubuh-Nya tercarik-carik akibat sebatan, dan darah mengalir daripada tangan dan kaki-Nya di mana paku menusuk tubuh-Nya merupakan pandangan yang mengerikan. Daripada kejadian ini, kita tahu betapa jahatnya manusia, seperti askar Roma yang telah mengesahkan kematian Yesus namun menusuk rusuk-Nya dengan tombak.

Apakah kepentingan rohani di sebalik peristiwa rusuk Yesus ditusuk dengan tombak dan penumpahan darah dan air-Nya?

1) Ia membuktikan bahawa Yesus datang ke dunia ini sebagai manusia.

Yohanes 1:14 memberitahu kita dengan tepat siapa Yesus. “Firman itu sudah menjadi manusia dan tinggal antara kita...” Dalam erti kata lain, Yesus, Anak Tuhan yang merupakan roh, mengenakan tubuh manusia dan datang ke dunia ini. Yesus tidak dikandung melalui sperma lelaki dan ovum wanita tetapi oleh Roh Kudus. Namun begitu, oleh sebab Yesus dilahirkan sebagai manusia dan menjalani proses pertumbuhan yang normal seperti manusia yang lain, Yesus memenuhi kelayakan untuk menjadi Penyelamat semua manusia. Berdasarkan empat kelayakan yang harus dipenuhi untuk menjadi Penyelamat umat manusia, Penyelamat mesti terlebih dahulu merupakan seorang manusia tetapi bukan daripada keturunan Adam yang telah melakukan dosa keingkaran. Dia harus memiliki kuasa untuk mengalahkan Iblis dan Dia harus mempunyai

kasih yang dengannya Dia dapat mengorbankan nyawa-Nya sendiri untuk orang lain.

Oleh itu, Yesus datang ke dunia ini dengan tubuh yang mengandungi tulang dan daging, sama seperti kita. Dia berasa sakit apabila Dia disebat. Dia mengalami keletihan, kehausan dan kelaparan (Matius 4:2; Yohanes 4:6). Untuk mengesahkan fakta bahawa Yesus datang ke dunia ini dalam tubuh manusia, di dalam Alkitab dicatatkan, “salah seorang askar menusuk rusuk Yesus dengan tombak, dan pada ketika itu juga keluarlah darah dan air.”

2) Ia membuktikan bahawa seorang manusia yang badani dapat mengambil bahagian dalam sifat ilahi.

Dalam Matius 5:48, Yesus memberitahu kita, “Kamu harus mengasihi semua orang, seperti Bapa kamu yang di syurga mengasihi semua orang.” Tuhan sendiri mengingatkan kita lagi dalam 1 Petrus 1:16, “Hendaklah kamu suci, kerana Aku suci.” Selain itu, dalam Filipi 2:5 kita digesa untuk, “Sikap kamu hendaklah seperti sikap Kristus Yesus,” sementara 2 Petrus 1:4 memberitahu kita, “Dengan cara ini Dia telah mengurniai kita berkat-berkat yang sangat baik dan berharga yang dijanjikan-Nya. Dengan berkat-berkat itu kamu terlepas daripada keinginan jahat yang membinasakan, yang terdapat di dunia ini, dan kamu menerima sifat Allah sendiri.”

Walaupun Yesus mengenakan tubuh seperti manusia, Dia tidak melakukan dosa dan menjalani kehidupan yang suci. Dia mengalami pelbagai emosi kerana Dia juga mempunyai sifat manusia namun Yesus hanya hidup dalam kebenaran. Dengan cara yang sama, seperti Yesus, kita juga dapat disucikan dan sempurna, serta mengambil bahagian dalam sifat ilahi dengan hati Yesus Kristus.

Sesiapa yang percaya kepada Tuhan Yesus, berdoa dengan sungguh-sungguh, dan berusaha sedaya upaya dapat membebaskan dirinya daripada segala dosa dan kejahatan. Dengan berbuat demikian, orang itu pasti menerima dan mengalami rahmat dan kekuatan daripada Tuhan serta mendapat pertolongan daripada Roh Kudus. Tidak seorang pun daripada kita akan dapat memberi alasan, “Yesus dapat menjalani kehidupan yang suci kerana Dia ialah Anak Tuhan tetapi saya tidak dapat melakukannya kerana saya hanya manusia biasa.”

3) Ia membuktikan bahawa melalui darah dan air Yesus, kita memperoleh kehidupan sejati dan menikmati kehidupan kekal.

Sungguh berharga darah Yesus, yang tidak mempunyai dosa asal dalam diri-Nya dan juga tidak melakukan dosa peribadi. Dengan darah Yesus yang berharga ini, kita dengan iman dapat menerima pengampunan bagi dosa-dosa kita dan hidup selamanya. Selain itu, air secara rohani melambangkan “Firman”. Apabila kita mendengar Firman Tuhan dan hidup menurutnya, kita dapat menyingkirkan dosa dan kejahatan daripada diri kita serta menjadi lebih salih.

Darah dan air yang ditumpahkan Yesus ialah darah dan air kekuatan yang dengannya kita dapat diubah, dan darah dan air kehidupan yang membebaskan kita daripada kematian. Hakikat bahawa Yesus ditusuk rusuk-Nya dengan tombak lalu menumpahkan semua darah dan air-Nya membuktikan betapa kita telah menerima pengampunan kerana Yesus. Selain itu, kita juga telah menerima kekuatan yang dengannya kita dapat hidup menurut Firman Tuhan dan memperoleh kehidupan yang sejati.

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus, Yesus bersukacita dan mengucapkan kesyukuran di tengah-tengah penderitaan-Nya kerana Dia memikirkan betapa banyak jiwa akan menerima keselamatan melalui penderitaan-Nya. Ingatlah bahawa Yesus menderita dan menumpahkan semua darah dan air-Nya untuk menyelamatkan kita.

Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar anda akan segera memahami kasih Tuhan ini dan mengingatnya jauh di dalam hati anda. Singkirkan dosa dan kejahatan daripada diri anda dan pulihkan gambaran Tuhan supaya anda dapat menikmati kegembiraan yang abadi dan berkat di dalam kerajaan syurgawi yang mulia.

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan (Poskod: 07058)

<http://www.manmin.org/english>www.manminnews.comE-mel: manminen@manmin.kr

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Trinitas: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus

Kristus.

4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.

5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

“[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia.” (Kisah Rasul-rasul 17:25)
 “Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita.” (Kisah Rasul-rasul 4:12)

“Sakit tulang belakang saya telah hilang, dan suami saya semakin baik dalam menjalani kehidupan sehariannya.”



Geeta (Usia 31, Gereja Manmin Delhi, India)

Pada masa itu, suami saya, yang sedang mengalami masa sukar, berkata bahawa dia akan membunuh diri sekiranya dia tidak sembuh selepas menghadiri gereja kira-kira dua bulan. Namun begitu, selepas menerima doa Dr. Jaerock Lee untuk orang sakit, hatinya berasa tenang dan dia mempunyai harapan untuk sembuh.

Oleh itu, selepas melihat maklumat perhubungan Gereja Manmin Delhi dalam video YouTube, kami menelefon Gereja Manmin Delhi dan mendengar injil Yesus Kristus. Kami bertaubat dan menerima doa untuk menerima Roh Kudus.

Selepas itu, dengan bimbingan baik Gereja Manmin Delhi, kami menghadiri Perjumpaan Doa Daniel daripada Gereja Pusat Manmin dalam talian pada 25 Mei

2022 dengan harapan kami dapat menerima jawapan daripada Tuhan. Selepas perjumpaan doa itu, suatu perkara yang menakjubkan berlaku. Sakit belakang yang saya alami selama lebih empat bulan telah hilang sepenuhnya. Saya tidak lagi menghadapi masalah apabila saya duduk untuk tempoh lama, dan juga tiada masalah pernafasan. Haleluyah!

Keadaan suami saya juga bertambah baik. Dengan sendirinya dia dapat pergi ke bilik air dan menaiki tangga. Sebelumnya dia berasa cemas dan menderita kerana takut dia akan ditinggalkan kerana dia tidak dapat berbuat apa-apa sendiri tetapi kini dia gembira kerana keadaannya telah bertambah baik dan dapat menjalani kehidupan sehariannya. Di India, melalui ‘GCNTV HINDI’, kami menghadiri ibadat penyembahan Gereja Pusat Manmin di Korea dan menjalani kehidupan iman yang dipenuhi dengan kasih Tuhan.

Saya memberi segala syukur dan kemuliaan kepada Tuhan Yang Maha Hidup dan menyembuhkan penyakit kami.

Saya mempunyai masalah dengan tulang belakang saya ketika saya menjaga suami saya. Saya tidak dapat duduk lama akibat kesakitan dan hal ini juga menyukarkan saya bernafas. Suami saya (Sunil Kumar, Usia 35) terlibat dalam kemalangan akibat masalah berjalan yang akhirnya menjadi penyakit cakera tulang belakang dan lumbar degeneratif. Akibat masalah kewangan, suami saya terpaksa hidup dalam kesakitan tanpa rawatan perubatan yang sewajarnya, dan keluarga saya mengalami lebih banyak kesukaran.

Sementara itu, saya hampir-hampir tidak dapat menyediakan wang untuk pemeriksaan perubatan suami saya. Saya terdengar bahawa tiada jaminan bahawa suami saya akan sembuh sepenuhnya walaupun dengan pembedahan, dan dia mungkin akan cacat kekal. Suami saya menjalani pembedahan pada bulan Januari 2022 dengan harapan tipis, tetapi hasilnya tidak baik, jadi dia tidak dapat duduk atau berjalan. Saya terpaksa menggendongnya dalam pelukan saya apabila dia harus pergi ke bilik air. Akibatnya, saya mengalami masalah dengan tulang belakang saya.

Pada suatu hari, suami saya terdengar seorang jiran berkata bahawa, “Yesus menyembuhkan penyakit.” Selepas itu dia mencari ‘doa untuk pesakit’ dalam Internet dan menemui video Dr. Jaerock Lee “Doa untuk Orang Sakit” dalam YouTube saluran ‘GCNTV HINDI’.





“Saya sembuh daripada sakit belakang yang melampau.”

Diaken Kanan Misook Park (Usia 51, Misi Kanaan)

Pada pagi 28 Januari 2022, saya terseliuh pada bahagian kiri belakang saya ketika saya membongkokkan belakang saya untuk membersihkan rumah. Saya berfikir bahawa itu bukan masalah yang besar tetapi kemudian kesakitan itu menjadi semakin teruk. Oleh itu, saya pergi ke hospital untuk mengetahui puncanya.

Hasil pemeriksaan, doktor menyatakan bahawa lumbar kelima dan keenam tulang belakang saya mengecil dan berkemungkinan besar merupakan tahap awal cakera hernia. Kemudian, doktor menyarankan saya untuk menerima terapi fizikal. Namun begitu, terapi fizikal tidak mengurangkan kesakitan yang saya alami.

Kemudian pada suatu hari, saya mengalami perkara yang pelik. Ketika saya menggunakan telefon bimbit saya untuk mencari punca sakit belakang saya, saya tiba-tiba terdengar khutbah Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee dalam komputer riba saya. Dengan rasa terkejut, saya segera mendapat kesedaran apabila saya menutup skrin khutbah yang terpasang dengan sendirinya.

Sebagai anak Tuhan, saya

harus mengakui Tuhan Bapa dalam segala-galanya dan terlebih dahulu mencari punca rohani daripada firman di dalam Alkitab serta mencapai hati yang dikehendaki Tuhan. Namun begitu, saya mendapati bahawa saya telah gagal untuk berbuat demikian. Saya merasakan kasih Tuhan Yang Maha Kasih yang memberi kesedaran kepada saya dengan cara halus, dan saya benar-benar bersyukur atas hal ini.

Selepas itu, ketika saya berpuasa dan berdoa untuk satu hari, saya merenung kembali diri saya dan menyedari banyak perkara yang secara rohani membawa saya kepada identiti iman saya seperti ‘tidak hidup berdasarkan firman Tuhan, melupakan rahmat yang telah saya terima, tidak bersyukur dan tidak mengasihi’, lalu rahmat pertaubatan datang kepada saya.

Bermula pada 7 Mac, setiap hari Isnin pukul 11:00 pagi, saya menghadiri ‘Perjumpaan Doa atas Talian untuk Orang Sakit’ yang dipimpin oleh Puan Boknim Lee, Pengarah Pusat Doa Manmin. Saya dipenuhi sukacita di dalam hati saya dan kekuatan baru datang dari atas yang membolehkan saya melakukannya.

Pada 20 Mac, ketika saya menghadiri “Perjumpaan Doa

atas Talian untuk Penyokong Doa” yang dipimpin oleh Puan Boknim Lee, saya dipenuhi oleh rahmat Roh Kudus.

Sejak itu, sakit belakang yang berdenyut-denyut seperti tertusuk jarum telah hilang secara ajaib. Haleluyah!

Pada bulan Oktober yang lalu, satu perkara yang sangat bermakna dan menggembirakan telah berlaku. Dalam sambutan ulang tahun ke-40 Gereja Pusat Manmin, Pertandingan Puisi Empat Baris telah diadakan di gereja. Daripada 444 penyertaan, saya secara mengejutkan telah memenangi hadiah pertama.

Saya menyediakan puisi dengan perkataan, ‘Gereja Manmin’ dengan pemikiran ‘Saya berharap gereja-gereja di luar negara dan sehingga ke hujung bumi akan bangkit dengan kuasa penciptaan semula, berkobar-kobar dengan api Roh Kudus, dan menyambut kedatangan Tuhan Yesus.’

Terutama sekali, saya memberi segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan, Tuhan Trinitas Yang Maha Kasih, yang mahu memperoleh anak-anak yang sejati dengan penyucian hati, dan membimbing kita untuk memiliki hati yang tulus dan iman yang sempurna supaya kita dapat memasuki Yerusalem Baru di syurga.



Telefon: 82-2-824-7107
www.gcntv.org
webmaster@gcntv.org



Telefon: 82-2-818-7032
www.manminseminary.org
manminseminaryhq@gmail.com



www.wcdn.org
wcdnkorea@gmail.com



Telefon: 82-2-818-7241
www.urimbooks.com
urimbook@hotmail.com